

**SIMPOSIUM KEBANGSAAN
KEBAJIKAN KANAK-KANAK 2004**

Tarikh:
21 - 22 Julai 2004

Tempat:
**Gurney Resort Hotel and Residences
Pulau Pinang**

Tajuk:
**Hak Kanak-Kanak Dari Aspek Hadhanah Dan Nafkah:
Di Bawah Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia**

Pembentang:
**Nora Abdul Hak
Penolong Professor
Ahmad Ibrahim Kulliyah Undang-Undang
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia**

**Tel. No.: 03 20564230(O), 0122136057(HP) & 03 61878321(R)
Email: ahnora@iiu.edu.my**

Pendahuluan

Kanak-kanak adalah penerusan ummah. Justeru itu, sebagai insan yang teristimewa kanak-kanak perlu diberi belaian kasih sayang, pemerhatian, didikan dan pembelaan sesempurna mungkin oleh kedua-dua ibubapa. Ibubapa hendaklah benar-benar memahami tanggungjawab serta peranan masing-masing di dalam mendidik dan membimbing anak-anak mereka. Dalam Islam kanak-kanak dianggap sebagai insan yang bersih sebagaimana satu maksud hadith Nabi Muhammad s.a.w. telah mengumpamakan kanak-kanak seperti sehelai kain putih yang akan mencorakkan ataupun yang mewarnai jiwa, hati nurani, perasaan dan pembesaran kanak-kanak dalam menghadapi cabaran masa depan ialah ibubapa dan persekitaran sekelilingnya sendiri. Jika persekitaran itu baik maka akan baiklah jiwa, hati nurani dan pembesaran kanak-kanak tadi. Tetapi jika sebaliknya berlaku ianya akan menjadi ancaman bukan sahaja kepada kehidupan kanak-kanak atau ibubapa mereka, malah masyarakat dan negara akan hidup dalam kucar-kacir.

Selain dari tugas utama ibubapa sebagai pendidik dan pembentuk sahsiah anak-anak mereka untuk menjadi manusia berguna, ibubapa juga bertanggungjawab untuk menjaga, memberi perlindungan serta mengawasi mereka. Ini termasuklah menyediakan segala keperluan harian anak-anak mereka. Kanak-kanak bergantung sepenuhnya dari segi keperluan harian mereka kepada ibubapa. Menyediakan keperluan harian ini dikenali sebagai nafkah dalam Islam. Manakala permeliharaan dan pengawasan dikenali sebagai hadhanah. Kedua-dua perkara ini amat dititikberatkan oleh Islam. Islam sebagai ugama yang syumul dan lengkap menekankan kebajikan dan kepentingan kanak-kanak sebagai pertimbangan yang utama dalam menentukan hak nafkah dan hadhanah kanak-kanak. Di Malaysia peruntukan undang-undang tentang hak kanak-kanak dari segi hadhanah dan nafkah telah dibuat demi menjamin yang kepentingan kanak-kanak ini terpelihara.

Apa itu Hadhanah?

Hadhanah dalam Islam sebagaimana yang dibincangkan oleh fuqaha' bererti menjaga dan mendidik kanak-kanak yang masih kecil oleh seseorang yang berhak dan bertanggungjawab ke atasnya. Penjagaan ini meliputi semua hal keadaan kehidupannya seperti mendidik, memimpin, mengawasi dan mengatur segala hal ehwal kanak-kanak sehingga umur tertentu.¹ Persoalan penjagaan kanak-kanak biasanya tidak timbul di kalangan suami isteri yang masih tinggal bersama. Ianya sering menjadi masalah di kalangan mereka yang telah bercerai. Akibat dari perceraian kanak-kanak ini sering menjadi perebutan di antara kedua ibubapa mereka yang kadangkala berakhir dengan tragedi yang menyedihkan dan menyanyat hati. Persoalannya adakah kemaslahatan dan kebajikan kanak-kanak diambilkira dalam menentukan hak hadhanah tersebut? Perbincangan selanjutnya akan membicarakan persoalan ini secara lebih terperinci.

Siapa Yang Berhak Mendapatkan Hadhanah

Orang yang paling berhak bagi menjaga anak kecil semasa dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinan dibubarkan ialah ibu. Walaubagaimanapun jika Mahkamah berpendapat bahawa ibu

¹ Al-Khatib, Muhammad al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, Beirut, 2001, vol. 3, p. 452; al-Sartāwī, Maḥmūd 'Alī, *Sharḥ Qānūn al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah*, Dār al-Fikr, Ammān, 1997, ms. 559; Jamal J Nasir, *The Islamic Law of Personal Status*, Graham & Trotman, London, 1990, m.s. 173.

telah hilang kelayakan di bawah Hukum Syara' maka hak itu akan berpindah kepada salah seorang yang berikut mengikut susunan keutamaan iaitu;

- (a) Nenek sebelah ibu hingga ke atas
- (b) Bapa
- (c) Nenek sebelah bapa hingga ke atas
- (d) Kakak atau adik perempuan seibu sebapa
- (e) Kakak atau adik perempuan seibu
- (f) Kakak atau adik perempuan sebapa
- (g) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu sebapa
- (h) Anak perempuan dari kakak atau adik seibu
- (i) Anak perempuan dari kakak atau adik perempuan sebapa
- (j) Emak saudara sebelah ibu
- (k) Emak saudara sebelah bapa
- (l) Waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai asabah atau residuary²

Hak Untuk Memilih

Hak untuk memilih telah diperuntukkan di bawah Undang-undang Keluarga Islam sepertimana yang dinyatakan oleh seksyen 84. Hak hadhanah bagi menjaga seseorang kanak-kanak adalah sehingga kanak-kanak itu mencapai umur tujuh tahun, jika kanak-kanak itu lelaki, dan umur sembilan tahun jika kanak-kanak itu perempuan. Hak penjagaan kemudian daripada itu berpindah kepada bapa, dan jika kanak-kanak itu telah mumayyiz, maka kanak-kanak itu adalah berhak memilih untuk tinggal dengan samaada ibu atau bapanya melainkan jika Mahkamah memutuskan sebaliknya.

Hak untuk memilih ini juga terpakai di dalam kes di mana perebutan berlaku. Sebagai contohnya perebutan telah berlaku di antara seorang ibu dan bapa yang bercerai yang melibatkan kanak-kanak yang telah mencapai umur tujuh tahun atau lebih. Berkenaan ini seksyen 86(2) menyatakan;

Untuk memutuskan dalam jagaan siapakah seseorang kanak-kanak patut diletakkan pertimbangan yang utama ialah kebajikan kanak-kanak itu dan, tertakluk kepada pertimbangan itu Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada-

- a)
- b) kemahuan-kemahuan kanak-kanak itu, jika ia telah meningkat umur dapat menyatakan sesuatu pendapatnya sendiri.

Dari peruntukan di atas adalah jelas bahawa hak hadhanah yang diberikan kepada seseorang penjaga akan berakhir apabila kanak-kanak itu berusia tujuh/sembilan tahun. Hak memilih ini ialah berasaskan kepada prinsip bahawa kebajikan kanak-kanak adalah lebih terpelihara jika dia tinggal dengan seseorang yang lebih menyanyangi dan mengambil berat tentang dirinya.

Sebuah hadith yang bermaksud;

² Seksyen 81(2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984.

Diriwayatkan dari Abu Hurairah bahawa seorang wanita telah datang berjumpa Rasulullah s.a.w. dan bertanya: “Wahai Rasulullah! suami saya mahu mengambil anak saya sedangkan dia telah mampu membawa air untuk saya dari telaga Abu ‘Inabah dan ianya sangat berguna untuk saya.” Rasulullah s.a.w. bersabda kepada kanak-kanak itu: “Ini bapa kamu dan ini pula ibu kamu, pilihlah salah satu daripada kedua-duanya.” Anak itu memilih ibunya dan mereka pergi dari situ.

Kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah menunjukkan yang Mahkamah telah memberi hak kepada kanak-kanak untuk memilih sama ada untuk tinggal bersama ibu atau bapa. Sebagai contoh, dalam kes **Sharifah Sapoyah Iwn. Wan Alwi**,³ pemohon seorang ibu telah memohon hadhanah ke atas tiga orang anaknya yang berumur antara sebelas dan lima belas tahun. Mahkamah telah memberi mereka pilihan sama ada untuk tinggal dengan ibu atau bapa mereka. Kesemua mereka memilih untuk tinggal dengan ibu mereka.

Syarat-Syarat Seorang Pengasuh

Demi menjamin kebajikan serta kepentingan kanak-kanak terpelihara, Islam telah menentukan beberapa syarat tertentu untuk menjadi pengasuh atau penjaga kanak-kanak. Sifat-sifat pengasuh yang penyayang serta mempunyai akhlak yang mulia menjadi salah satu keutamaan penting dalam Islam. Dengan sifat-sifat tersebut seseorang pengasuh itu akan dapat mencurahkan kasih sayang dan permerhatiannya terhadap kanak-kanak. Dengan itu juga ia dapat membentuk peribadi dan akhlak mereka.

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 telah memperuntukkan kelayakan-kelayakan yang perlu untuk penjagaan kanak-kanak. Berikut adalah kelayakan-kelayakan seorang penjaga;

- a) Dia adalah seorang Islam
- b) Dia adalah sempurna akal
- c) Dia berumur yang melayakkan dia memberi kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang mungkin diperlukan oleh kanak-kanak itu
- d) Dia berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiah; dan
- e) Dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.⁴

Hak Nafkah Kanak-Kanak

Selain dari hak untuk mendapat penjagaan, kanak-kanak juga mempunyai hak untuk mendapat nafkah dari orang yang bertanggungjawab ke atas nafkahnya. Dalam Islam seperti mana yang kita ketahui tanggungjawab memberi nafkah kepada kanak-kanak adalah ke atas si bapa. Akta Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia juga telah membuat peruntukan-peruntukan khas mengenai hak nafkah kanak-kanak ini. Perbincangan selanjutnya akan menumpukan kepada hak kanak-kanak dari segi nafkah sepertimana yang telah diperuntukan di bawah undang-undang keluarga Islam.

³ (1988) 6 JH 259.

⁴ Seksyen 82 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984

Nafkah Menurut Islam

Nafkah adalah merupakan hak bagi orang yang dalam tanggungan seperti isteri dan anak-anak. Maksud nafkah di sini ialah hak keperluan untuk meneruskan kehidupan seperti hak untuk mendapat makanan, pakaian dan tempat tinggal dan juga termasuklah perkhidmatan yang lain seperti ubat, kenderaan dan sebagainya. Tanggungjawab menunaikan nafkah ini tidak berubah atau berpindah disebabkan oleh sesuatu keadaan, sebagai contoh, sekalipun isteri itu seorang yang kaya raya, suami tetap diwajibkan menunaikan tanggungjawab ini. Menurut al-Qur'an, Sunnah dan juga pendapat ulama' nafkah adalah wajib. Dalam Islam seperti mana yang kita maklum, tanggungjawab memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak adalah ke atas suami. Dari segi bahasa nafkah ialah mengeluarkan dan membelanjakan.⁵ Menurut istilah ahli *fiqh* nafkah ialah mengeluarkan belanja atau nafkah kepada mereka yang wajib atas seorang itu mengeluarkannya seperti suami menyediakan makanan dan pakaian untuk isteri. Ianya termasuklah semua hajat dan keperluan seharian seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya.⁶ Di Malaysia seksyen 72 Akta Undang-Undang Keluarga Islam ada menyebut bahawa seseorang lelaki diwajibkan menanggung nafkah anaknya dengan mengadakan tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran

Sebab-sebab Wajib Nafkah

Seorang bapa mengikut kemampuannya adalah bertanggungjawab terhadap nafkah anak-anaknya. Secara umumnya nafkah anak lelaki sehingga dia mencapai umur baligh dan nafkah anak perempuan sehingga dia berumahtangga. Tanggungjawab memberi nafkah kepada anak-anaknya adalah tidak bersyarat dan mutlak.⁷ Sebab-sebab ianya diwajibkan ada tiga iaitu:⁸

- a) Dengan sebab perkahwinan
- b) Dengan sebab keturunan
- c) Dengan sebab milik

Oleh itu adalah wajib ke atas bapa memberi nafkah kepada anak-anaknya disebabkan pertalian darah diantara mereka. Kewajipan ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 1) Anak itu belum boleh berdikari. Bagi anak perempuan sehingga ia berkahwin atau sehingga ia ada pekerjaan
- 2) Anak itu miskin tidak mempunyai harta sendiri untuk menafkahkanya
- 3) Bapa itu mampu memberi nafkah. Jika bapa tidak mampu memberi nafkah hak itu berpindah kepada keluarga lelaki sebelah bapa mengikut Hukum Syarak.

⁵ Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, op. cit., vol., iii, ms. 542

⁶ Ibid.; Al-Marghinānī, *al-Hidāyah*, Qur'ān Maḥal, Karachi, t.t., Vol. II, ms. 437

⁷ Ibn al-Humām, *Fatḥ al-Qadīr*, Cairo, 1356 A.H., vol. iii, ms. 344

⁸ Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, op. cit., vol., iii, ms. 542

Syarat wajib ke atas bapa memberi nafkah seperti yang disebut di atas hendaklah si anak itu masih kecil dan miskin atau sudah besar tetapi tidak berupaya untuk berusaha sebagai contoh cacat anggota dan miskin. Jika anak tersebut sudah besar atau baligh dan berkuasa untuk berusaha maka tidak wajib atas bapa memberi nafkah kepadanya kecuali jika dia masih menuntut ilmu.⁹

Manakala jika anak itu seorang perempuan, menurut Mazhab Syafi'i dan Maliki nafkahnya wajib ke atas bapa sehingga anak perempuan itu bersuami. Adapun mengikut mazhab Hanafi dan Hanbali tidak wajib ke atas bapa memberi nafkah kepada anak perempuan yang sudah besar dan boleh berusaha sendiri.¹⁰

Kadar Nafkah

Kadar belanja yang diwajibkan itu hendaklah sekadar keperluan dan hajat menurut keadaan dan kekuasaan orang yang berkewajipan itu. Seksyen 72 Akta Undang-Undang Keluarga Islam menyebut adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang yang ada mempunyai kepentingan, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengubah, atau boleh pada bila-bila masa membatalkan, sesuatu perintah mengenai penjagaan atau nafkah seseorang anak, jika Mahkamah berpuas hati bahawa perintah itu telah diasaskan atas sesuatu salah pernyataan atau kesilapan fakta atau jika sesuatu perubahan matan telah berlaku tentang hal keadaan.¹¹

Berdasarkan kepada peruntukan di atas Mahkamah akan memerintahkan satu bayaran nafkah yang munasabah mengikut kepada kemampuan dan taraf kehidupan si bapa.

Dalam kes di Negeri Sembilan, **Hayati Iwn Ayob**¹², Mahkamah Qadi telah membuat perintah memberi nafkah anak RM 250 bagi masa iddah dan RM 375 selepas iddah. Si ibu telah merayu mengenai Kadar nafkah yang diberi kepada anak mereka. Dalam rayuannya dia telah meminta nafkah anak itu ditambah dari RM375 sebulan kepada RM500 sebulan, wang sewa rumah tempat tinggal anak-anak itu sebanyak RM150, termasuk api dan air dan satu potongan pendapatan tenaga dibuat kepada majikan suami agar segala bayaran dapat dibuat melalui Pejabat Qadi. Dalam kes ini Jawatankuasa Ulangbicara berpendapat perkara itu hanya dapat diselesaikan selepas mendengar keterangan pihak-pihak dan saksi-saksi mereka dan juga keterangan dokumen yang dikemukakan oleh mereka. Mereka juga menasihatkan isteri memohon kepada Mahkamah Syari'ah untuk mengubah perintah nafkah. Satu perintah potongan gaji di bawah Akta Perempuan Bersuami dan Kanak-Kanak, 1961 perlu dibuat dan Jawatankuasa Ulangbicara telah mengarahkan Qadi membuat perintah itu ditujukan kepada majikan penentang, iaitu Pejabat Telekom.

Kes di atas menunjukkan bahawa perintah nafkah yang telah dibuat oleh Mahkamah bukanlah muktamad dan boleh diubah oleh Mahkamah tersebut jika Mahkamah berpuashati bahawa satu

⁹ Ibn Qudāmah, *al Muḡhnī*, Dār al-Fikr, Beirut, 1404 A.H., vol. 8, ms. 158; al-Shīrāzī, *al Muḡhdhab*, Dār al-Fikr, Beirut, t.t., vol. 2, ms. 166; lihat al-Sarṭāwī, Maḥmūd 'Alī, *Sharḥ Qānūn al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah*, op. cit., ms. 597.

¹⁰ Ibid.

¹¹ Seksyen 75, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984

¹²(1990) 7 JH 246

perubahan keadaan telah berlaku. Manakala dalam kes di Negeri Sembilan, **Hosni Iwn Norsiah**¹³ bapa telah memohon kadar nafkah dikurangkan kerana beberapa perubahan matan telah berlaku tentang hal keadaan. Suami mendakwa dia tidak mampu memberi nafkah sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah dan meminta ia dikurangkan.

Tempoh Nafkah

Perintah nafkah anak-anak hendaklah luput atau tamat apabila anak itu mencapai umur 18 tahun kecuali jika salah satu perkara yang berikut berlaku:

- a) Apabila suatu perintah nafkah anak itu dinyatakan lebih singkat atau awal daripada itu
- b) Apabila mana-mana perintah tersebut dibatalkan
- c) Apabila suatu perintah itu dibuat kepada seorang anak perempuan yang belum berkahwin atau atas sebab-sebab ketakupayaan fikiran atau fizikal tidak mampu untuk menanggung dirinya. Bagi seorang anak lelaki pula, atas alasan ketakupayaan mental atau fizikal yang mana ia tidak mampu menanggung dirinya.

Ini bererti bahawa seorang anak lelaki yang belum berkahwin, sihat dan berupaya menyara dirinya sendiri, bukanlah menjadi tanggungan ke atas si bapa. Bagaimanapun Mahkamah boleh atas permohonan oleh anak atau mana-mana orang lain, untuk melanjutkan perintah nafkah kepada suatu tempoh akan datang sebagaimana yang ia fikirkan munasabah bagi membolehkan anak itu melanjutkan atau meningkatkan pelajarannya atau latihannya.¹⁴

Dalam kes **Rokiah Iwn Mohamad Idris**¹⁵ yang telah dibicarakan di Mahkamah Syari'ah Wilayah Persekutuan, Qadi Besar telah menolak tuntutan nafkah oleh pihak menuntut bagi seorang anak yang telah meningkat 22 tahun. Ini kerana anak tersebut telah melepasi umur 18 tahun. Dalam kes di Wilayah Persekutuan, **Jinah Iwn Abdul Aziz**¹⁶ Qadi Besar berpendapat memandangkan dua anak yang terlibat telah berumur masing-masing 17 tahun dan 20 tahun, tuntutan bagi nafkah mereka tidak boleh dibuat oleh kerana seksyen 140(1) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor adalah jelas menunjukkan tuntutan untuk mendapat nafkah kedua-dua anak itu daripada bapa mereka tidak dapat dipertimbangkan oleh Mahkamah.¹⁷

Berkenaan dengan nafkah anak yang tertunggak seksyen 77 Akta Undang-Undang Keluarga Islam menyatakan ianya boleh dituntut sebagai suatu hutang daripada pihak yang mungkir itu iaitu bapa. Dalam kes **Wan Junaidah Iwn Latiff**¹⁸ Hakim telah memutuskan suami membayar RM100 sebulan sebagai nafkah anak. Oleh kerana terdapat tunggakan nafkah, Hakim juga telah memerintahkan tunggakan nafkah sebanyak RM4,000 dibayar dengan bayaran RM100 sebulan secara potongan gaji dari majikan yang disalurkan melalui Biro Bantuan Guaman Johor Bahru

Kebajikan Kanak-Kanak Menjadi Pertimbangan Utama Dalam Kes Hadhanah dan Nafkah

¹³(1990) 7 JH 250

¹⁴ Seksyen 79 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984

¹⁵ (1986) 6 JH 272

¹⁶ (1987) 6 JH 344

¹⁷ Seksyen 140(1) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor memperuntukan had umur di bawah 17 tahun sebagai umur maksimum untuk menerima nafkah

¹⁸ (1989) 8 JH 122

Dalam Kes Hadhanah

Sepertimana yang telah dibincangkan di atas walaupun susunan penjaga bagi kanak-kanak mengikut keutamaannya telah diperuntukkan di bawah Undang-Undang Keluarga Islam namun Mahkamah tidak terikat sepenuhnya dengan peruntukan tersebut. Sebaliknya Mahkamah berkuasa untuk menentukan siapakah yang lebih layak dan lebih sesuai untuk menjaga kanak-kanak itu demi kebajikan dan kepentingan mereka. Al-Mughni di dalam bukunya menyebut:

“Matlamat hadhanah adalah untuk memastikan kebajikan kanak-kanak terpelihara.”¹⁹

Seksyen 86(2) memperuntukkan;

“Untuk memutuskan dalam jagaan siapakah seseorang kanak-kanak patut diletakkan pertimbangan yang utama ialah kebajikan kanak-kanak itu dan tertakluk kepada ini Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada:

- (a) Kemahuan-kemahuan ibu bapa kanak-kanak itu; dan
- (b) Kemahuan-kemahuan kanak-kanak itu, jika ia telah meningkat umur dapat menyatakan sesuatu pendapatnya sendiri.”

Sehubungan dengan ini Sayyid Sabiq di dalam bukunya menyatakan;

“Sesungguhnya setiap yang menjaga dan yang dijaga mempunyai hak dalam perkara hadhanah tetapi hak yang dijaga lebih kuat dari hak yang menjaga.”²⁰

Daripada kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah hampir semua kes menjelaskan tentang kebajikan kanak-kanak sebagai pertimbangan utama. Dalam kes **Nooranita bte Kamaruddin lwn. Faeiz bin Yeop Ahmad**²¹, Mahkamah menyebut:

“...Pertimbangan utama yang terpakai dalam semua kes-kes hadhanah ialah hak kanak-kanak yang dipertikaikan mestilah diberikan keutamaan daripada hak orang yang menuntut hadhanah kerana tujuan hadhanah itu sendiri ialah untuk kebajikan kanak-kanak dan bukanlah untuk kebajikan pihak-pihak yang bertelingkah.”

Dalam Kes Nafkah

Dalam kes yang melibatkan tuntutan nafkah Mahkamah sentiasa mengutamakan kebajikan dan kebaikan kepada kanak-kanak. Sering kali kita mendengar kes pengabaian nafkah kanak-kanak. Dalam hal ini pihak pihak yang terlibat boleh membuat tuntutan di Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa. Bagi tuntutan nafkah yang melibatkan orang Islam Mahkamah Syari'ah berbidangkuasa mendengar, membicarakan dan memutuskan pertikaian tersebut. Sepertimana yang telah dibincangkan terdapat peruntukan khusus yang menjelaskan tentang kewajipan menanggung nafkah anak, kanak-kanak yang diterima sebagai ahli keluarga dan anak-anak tak sah taraf. Demi memastikan lagi hak kanak-kanak dari aspek nafkah terjamin, Undang-undang Keluarga Islam telah

¹⁹ Ibn Qudamah, *Al-Mughni*, op. cit., m.s. 153

²⁰ Al-Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, Edisi 8, Dar al-Kitab al-'Arabi, Beirut, 1987, m.s. 313.

²¹ [1989] 2 MLJ cxxiv, p. cxxviii.

memperuntukkan tentang kuasa Mahkamah memerintahkan nafkah, cagaran dan mengubah perintah nafkah dan mengubah perjanjian nafkah kanak-kanak. Bagi mengelakkan kanak-kanak teraniaya dan haknya tidak terabai, undang-undang memberi kuasa kepada Mahkamah untuk mendengar tuntutan seseorang bagi menuntut nafkah sementara, dan tunggakan nafkah seseorang anak.²²

Penutup

Jelaslah dari perbincangan di atas bahawa tanggungjawab menjaga dan menunaikan nafkah adalah merupakan satu tanggungjawab murni yang wajib dijalankan. Kanak-kanak adalah merupakan amanah yang telah diberikan oleh Allah S.W.T kepada kita. Jika kita merujuk kepada peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia adalah jelas menunjukkan bahawa si bapa bertanggungjawab untuk menentukan yang keperluan nafkah anak dipenuhi. Perlu diingat bahawa kewajipan memberi nafkah anak tidak gugur dengan terjadinya perceraian. Perceraian hanya memutuskan tali perkahwinan antara suami isteri tetapi tidak memutuskan hubungan nasab orang tua dan anak. Ini semua diadakan bagi memastikan keperluan kanak-kanak tidak diabaikan sehingga orang yang telah dipertanggungjawabkan boleh di penjara jika terbukti dia telah engkar dalam menunaikan tanggungjawabnya.

Di Malaysia walaupun masih terdapat lagi beberapa kelemahan, peruntukan undang-undang jelas mengiktiraf, memelihara dan melindungi hak kanak-kanak. Hak kanak-kanak untuk mendapat penjagaan dan keperluan asas kehidupan jelas dinyatakan. Kebajikan serta kepentingan kanak-kanak menjadi fokus utama dalam peruntukan-peruntukan tersebut. Walaubagaimanapun masih banyak lagi yang boleh diperbaiki agar hak kanak-kanak ini yang merupakan pelapis jenerasi terus terbela dan terpelihara. Akhirnya, sepertimana yang telah dinyatakan di atas anak adalah amanah Allah S.W.T. yang harus dijaga, dididik dan dibentuk dengan sebaik-baiknya. InsyaAllah jika kita ikhlas menunaikan tanggungjawab ini kita akan memperolehi keberkatan hidup dunia dan akhirat.

Bibliografi

1. Al-Qur'an Al-Karim
2. Raihanah Abdullah (2001), *Wanita dan Perundangan Islam*, Ilmiah Publishers SDN BHD, Kuala Lumpur.
3. Hassan Salleh (1993), *Asas Kekeluargaan Islam, Bahasan Empat Mazhab: Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
4. Ahmad Ibrahim (1997), *Family Law in Islam*, Malayan Law Journal Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
5. Mat Saad Abd. Rahman (1993), *Undang-Undang Keluarga Islam, Aturan Perkahwinan, Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Hizbi, Shah Alam.
6. Abdur Rahman I. Doi (1997), *Shariah: The Islamic Law*, Ta Ha Publisher, London.
7. Siti Fatimah Abdul Rahman (2002), *Peranan Ibubapa Dalam Pembentukan Sahsiah Anak-Anak*, IKIM, Kuala Lumpur.

²² Seksyen 73, 74, 75, 76 dan 77 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan), 1984.

8. A.D. Ajjola (2002), *The Concept of Family in Islam*, Adam Publishers and Distributors, New Delhi.
9. Jamal J Nasir (1990), *The Islamic Law of Personal Status*, Graham & Trotman, London.
10. Rozi Bainon (1999), *Wanita Penghapusan Diskriminasi dari Perpektif Islam dan Undang-undang Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
11. Abdul Monir Yaacob (1999), *Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-Negara ASEAN*, IKIM, Kuala Lumpur.
12. Al-Khatib, Muhammad al-Sharbini (2001), *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, Beirut.
13. Al-Sartawi, Mahmud Ali (1997), *Sharh Qanun al-Ahwal al-Shakhsiyyah*, Dar al-Fikr, Amman.
14. Ibn Qudamah, Ahmad bin Muhammad, *al-Mughni*, Maktabah al-Riyad al-Hadithah, Riyad.
15. Al-Sayyid Sabiq (1987), *Fiqh al-Sunnah*, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut.